

09 DEC 2000

Mahkamah-Anwar

MAHKAMAH RAYUAN KEKAL KEPUTUSAN TOLAK SAMAN MALU ANWAR TERHADAP PM

KUALA LUMPUR, 9 Dis (Bernama) -- Mahkamah Rayuan hari ini mengekalkan keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman malu RM100 juta terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad oleh bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Tiga anggota panel hakim yang diketuai Hakim Mahkamah Persekutuan Datuk Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim sebulat suara menolak rayuan Anwar terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman terbabit, dengan kos. Dua hakim lain yang mendengar kes itu ialah Datuk Mokhtar Sidin dan Denis Ong Jiew Fook.

Penghakiman itu dibuat hari ini oleh Ahmad Fairuz dan Ong. Ahmad Fairuz telah memaklumkan bahawa Mokhtar tidak dapat hadir di mahkamah hari ini.

Anwar, 53, merayu terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi Datuk Dr R.K. Nathan membatalkan saman malu itu selepas membenarkan permohonan Dr Mahathir untuk membatalkannya.

Nathan membatalkan saman itu dengan kos dengan alasan bahawa ia remeh, menyakitkan hari dan menyalahgunakan proses mahkamah.

Dalam penghakimannya, hakim itu berkata perkataan-perkataan yang disebut oleh Dr Mahathir adalah berdasarkan respons kepada gesaan supaya beliau menjelaskan mengenai pemecatan Anwar sebagai timbalan perdana menteri serta selaku timbalan presiden Umno.

Anwar memfaikan saman itu pada 25 Jan tahun lepas mendakwa kononnya Dr Mahathir telah bercakap bohong dan berniat jahat, kepada wartawan tempatan dan asing pada sidang media di Jabatan Perdana Menteri dengan mendakwa dia (Anwar) telah melakukan perbuatan tidak bermoral.

Anwar mendakwa kononnya Dr Mahathir mengucapkan perkataan itu dengan mengetahui bahawa ia akan disiarkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Dalam kenyataan pembelannya yang difailkan pada 22 Mac tahun lepas, Dr Mahathir berkata bahawa beliau mengucapkan perkataan-perkataan itu selaku perdana menteri dengan perlindungan bersyarat.

Menurutnya perkataan-perkataan itu disiarkan semasa membincangkan perkara berkaitan dengan kerajaan dan politik yang membabitkan Anwar bersabit dengan kesesuaiannya untuk memegang jawatan yang disandangnya dan selepas siasatan dan selidik sewajarnya mengenai perkara itu.

Anwar dalam hujah balasnya berkata pembelaan perlindungan bersyarat tidak terbuka kepada perdana menteri kerana beliau berniat jahat dengan mengucapkan kata-kata penghinaan itu untuk diterbitkan dan diterbitkan semula.

Selain ganti rugi, faedah dan kos, Anwar juga memohon injunksi untuk menghalang Dr Mahathir daripada terus mengucapkan perkataan-perkataan itu.

Anwar diwakili oleh peguam Karpal Singh manakala Dr Mahathir diwakili Datuk Mohamed Adnan Shuaib.

Anwar turut diwakili M.Manoharan, S.N. Nair, Gobind Singh Deo dan Ram Karpal Singh manakala N. Chandran turut mewakili Dr Mahathir.

Anwar tidak hadir di mahkamah hari ini.

Semasa mengesahkan keputusan Mahkamah Tinggi membatalkan saman Anwar itu, Ahmad Fairuz berkata jelas bahawa Dr Mahathir terlindung oleh asas pembelaan berdasarkan kewajaran dan perlindungan bersyarat semasa beliau mengucap perkataan-perkataan itu.

"Memang jelas, tuntutan oleh perayu (Anwar) nyata tidak sesuai," kata hakim dalam penghakiman 11 muka surat itu.

Katanya mahkamah (Mahkamah Rayuan) telah secara berhati-hati meneliti

semula penghakiman oleh hakim perbicaraan bahawa Dr Mahathir mengucapkan kenyataan itu mengikut perlindungan bersyarat dan Mahkamah Rayuan tidak dapat mengesan apa-apa dalam penghakiman hakim perbicaraan yang boleh menunjukkan beliau telah melakukan kesilapan undang-undang atau fakta membabitkan sebab-sebab mengenai isu itu.

Ahmad Fairuz berkata Mahkamah Rayuan bersetuju dengan sebab-sebab dan kesimpulan penghakiman hakim perbicaraan bahawa fikiran Dr Mahathir telah "tidak berniat jahat" semasa beliau mengucapkan kenyataan itu.

Beliau berkata Mahkamah Rayuan juga tidak melihat bagaimana hakim perbicaraan dikatakan telah tersilap secara prinsip semasa memutuskan bahawa justifikasi pembelaan terbuka kepada Dr Mahathir dan kenyataan beliau adalah benar malah berdasarkan kepada fakta pengakuan bersalah oleh bekas penulis ucapan Anwar, Dr Munawar Ahmad Anees dan adik angkat Anwar, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Dr Munawar dan Sukma masing-masing dihukum penjara enam bulan oleh Mahkamah Sesyen pada 19 Sept 1998 selepas mereka mengaku salah membenarkan Anwar meliwat mereka.

"Kami mendapati bahawa beliau (hakim perbicaraan) sesungguhnya telah mengambil kira pertimbangan-pertimbangan termasuk dua sabitan dan fakta (fakta kes) seperti yang dinyatakan kepada Mahkamah Sesyen. Kami juga tidak mendapati dalam penghakiman beliau yang menunjukkan bahawa beliau telah bertanya soalan yang salah kepada dirinya sendiri.

"Kami juga bersetuju dengan peguam responden, (peguam Dr Mahathir) bahawa sabitan terhadap Munawar dan Sukma adalah konklusif dan muktamad," kata Ahmad Fairuz.

-- BERNAMA

JA AZZ LAT MAI